

Oleh Suzaini Sulaiman
am@mediaprima.com.my
Bestari Jaya

Hujan lebat lebih lapan jam menyebabkan kawasan penempatan penduduk berhampiran Sungai Selangor, Rantau Panjang, di sini dinaiki air secara mendadak sehingga 0.6 meter menyebabkan 102 penduduk daripada 31 keluarga terpaksa dipindahkan ke Balai Raya Kampung Rantau Panjang bermula jam 10 pagi semalam.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP) Rantau Panjang, Rahim Mohd Yatim berkata, pihaknya dimaklumkan hujan lebat tanpa henti menyebabkan air sungai melimpah ke kawasan rumah penduduk sehingga menyebabkan 97 penduduk resah rumah dinaiki air.

Beliau berkata, pihaknya mengambil langkah awal menempatkan penduduk ke kawasan penempatan banjir dengan bantuan penduduk, anggota Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) dan polis sementara menunggu bantuan agensi berkaitan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Se-

langor (PTDKS).

“Tindakan pantas penduduk untuk berpindah ke kawasan lebih selamat mengelak kejadian tidak diingini berlaku memandangkan limpahan air sungai naik dengan mendadak dan melimpah ke kawasan rumah penduduk di kawasan lebih rendah.

“Mangsa banjir turut menerima kunjungan daripada Ahli Parlimen Kuala Selangor yang baru, Datuk Irmohizam Ibrahim yang melawat keadaan mereka sebaik sahaja menerima laporan banjir di kawasan ini,” katanya.

Rahim berkata, setakat ini makanan dan minuman disediakan jawatankuasa kampung memandangkan belum menerima sebarang bentuk bantuan daripada agensi berkaitan dan berharap musibah banjir yang berlaku segera pulih seperti sedia kala.

“Sememangnya diakui beberapa penempatan penduduk di kawasan ini sering dinaiki air sekiranya hujan lebat tanpa henti dalam tempoh yang lama dan keadaan itu tidak dapat dielakkan berikutan rumah berhampiran dengan sungai.

“Bagaimanapun, bantuan yang diterima sebelum ini amat memuaskan dan pen-



BANJIR di Kampung Rantau Panjang mencecah paras pinggang.

duduk selesa tinggal di balai raya sebelum dibenarkan pulang ke rumah oleh pihak berkuasa,” katanya.

Difahamkan, kali terakhir kawasan itu dinaiki air adalah pada 5 Mac tahun lalu apabila sebanyak 71 keluarga

dipindahkan. Pada tarikh sama, banjir turut dilaporkan berlaku di lima kampung di Jeram iaitu Kampung Bukit

Hijau, Kampung Bukit Chera, Parit Mahang, Kampung Bukit Kuching Tengah dan Kampung Kuching Hilir.